

**TEKS UCAPAN Y.BHG. PROF. DATUK DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON,  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
SEMPENA MAJLIS PENGHARGAAN GRADUAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH KAMPUS ANTARABANGSA LABUAN  
DI HOTEL LE' MERIDIEN, KOTA KINABALU 22 OGOS 2008**

BISMILLAHIR RAHMANNIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM  
SEJAHTERA

YANG BERUSAHA PROFESOR DR. HJ. SANUDIN HJ. TAHIR  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

YANG BERUSAHA PROFESOR DR. AMRAN AHMED  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

YANG BERUSAHA PROFESOR DR. HJH. ROSNAH ISMAIL  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

YANG BERBAHAGIA EN MOHD RIZLAN MOKHTAR,  
PEMANGKU PENGARAH JABATAN PERKHIDMATAN KORPORAT DAN  
KOMUNIKASI LOFSA.

YANG BERUSAHA PROFESOR DR. SYED AZIZI WAFA SYED KHALID  
WAFA PENGARAH UMS-KAL

YANG DIHORMATI WAKIL DARIPADA INSTITUSI KORPORAT, DIF-DIF  
KEHORMAT

YANG BERUSAHA DEKAN-DEKAN DAN PARA PENSYARAH

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN DAN PARA GRADUAN YANG DIRAIKAN  
SEKALIAN

Setinggi-tinggi rasa syukur kita rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat bersama-sama hadir ke Majlis Penghargaan Graduan UMS-KAL 2008. Majlis ini berjaya diadakan hasil usaha gigih dari semua ahli jawatankuasa MPG yang diterajui oleh Yang Berusaha Profesor Dr. Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa, Pengarah UMS-KAL. Saya ucapkan terima kasih kerana diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapnama pada majlis yang permai ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran dif-dif kehormat, para penaja, para tetamu dan **khasnya** kepada para ibubapa graduan UMS-KAL kerana saya percaya, walaupun seseorang pelajar itu mendapat fasiliti dan tajaan yang serba lengkap, tetapi tanpa sokongan dan galakan daripada ibubapa dan keluarga, bukanlah mudah untuk seseorang pelajar meniti tangga-tangga kejayaan. Mari kita berikan satu tepukan gemuruh untuk semua ibu bapa dan ahli keluarga yang turut berada bersama-sama kita malam ini.

Para graduan yang saya kasihi sekalian, saya ingin menyatakan bahawa kejayaan yang anda telah kecapai, bukannya pada saat mendapat skrol di atas pentas nanti tetapi sebenarnya ia seharusnya

telah wujud tatkala anda melangkah masuk ke perkarangan pejabat pos untuk membeli borang UPU empat atau lima tahun yang lalu. Sesungguhnya, kekuatan mental dan keinginan untuk berjaya telah pun berakar dibenak fikiran setiap pelajar sejak hari itu.

Kepada ahli jawatankuasa MPG UMS-KAL, syabas di atas kejayaan menganjurkan majlis penganugerahan ini yang ditambah serinya dengan sambutan majlis konvokesyen sedekad pengalaman Konvokesyen UMS. Kejayaan ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan dari setiap ahli jawatankuasa pelaksana, demi memberi penghargaan kepada pelajar yang berjaya menamatkan Pengajian mereka. Hanya Allah SWT sahaja yang dapat memberi ganjaran yang setimpal atas pengorbanan daripada setiap ahli jawatankuasa. Nota-

nota kuliah yang tak sempat disediakan, laporan-laporan dan kertas-kertas kerja yang tertangguh, semuanya demi menjayakan majlis gilang-gemilang ini. Setinggi-tinggi terima kasih daripada pihak pengurusan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Tahun ini adalah genap sepuluh tahun UMS melahirkan graduan-graduan yang berjaya dan berkualiti, masing-masing berbekalkan ilmu kepakaran dalam pelbagai bidang. Seramai 3,927 orang anak-anak kita telah bergelar graduan dan seramai 576 daripadanya adalah graduan UMS-KAL. Saya percaya, kejayaan menamatkan pengajian sedikit sebanyak didorong oleh kegigihan, komitmen dan kesungguhan graduan sendiri dengan bimbingan dan kerjasama para warga UMS-

KAL. Warga akademik dan bukan akademik sama-sama membantu yang akhirnya memastikan perjalanan pelajar menjadi mudah menuju kejayaan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Sekolah Sains Informatik Labuan kerana telah menandatangani sebuah Memorandum Persefahaman dengan University of South Australia pada April tahun ini.

Semua ini adalah untuk merealisasikan usaha memantapkan kualiti pengajian yang ditawarkan kepada mahasiswa-mahasiswi UMS. Strategi menilai pelajar menggunakan sistem penilaian dari luar negara adalah secara tidak langsung memberi pengiktirafan bahawa pelajar kita mencapai standard kompetensi yang diterimapakai di peringkat antarabangsa. Inisiatif ini adalah untuk memberi graduan

kelebihan dalam menghadapi cabaran bersaing untuk memenuhi kekosongan jawatan yang minimal berbanding dengan pemohon yang lain. Cabaran yang dilalui akan bersilih-ganti, dalam pelbagai situasi yang akan memaksa anda untuk melangkah keluar daripada keselesaan yang selama ini berada di persekitaran anda. Ramai lagi graduan yang merebut peluang yang sama dan untuk berjaya anda perlu bersedia untuk menerima sesuatu yang baru. **Push yourself.** Kejayaan anda sebagai seorang pelajar universiti akan diuji **as you start laying out the bricks for your career achievements.**

Tanggungjawab anda sebagai generasi pentadbir di masa hadapan, adalah untuk memastikan bahawa ilmu yang diperolehi sepanjang pengajian tidak disia-siakan. Anda perlu memikirkan sama ada ilmu



yang telah dipelajari akan digunakan untuk meraih kekayaan semata-mata? Atau adakah ianya untuk meraih kejayaan? Kejayaan dan kekayaan adalah dua perkara yang berbeza tetapi sering disama-ertikan maksudnya. Kita sering mendengar kehebatan seseorang kerana beliau adalah alumni universiti terkemuka di Amerika, di London ataupun di salah satu universiti tertua di India. Sepuluh tahun UMS menghasilkan graduan, tiba saatnya kita mula membina kehebatan alumni UMS yang sedia ada.

Para hadirin dan graduan sekalian,

Tahun ini UMS seharusnya berasa amat berbangga dengan pelantikan alumni UMS sebagai Timbalan Naib Canselor, iaitu Prof. Dr. Hjh. Rosnah Ismail, alumni UMS, yang kini memegang jawatan Timbalan

Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi. Mungkin ada di kalangan dari graduan yang hadir hari ini tidak sedar bahawa mereka mempunyai satu persamaan yang unik dengan Prof. Dr. Hjh. Rosnah. Persamaan yang terdapat pada skrol yang akan anda dapat pada 24 Ogos nanti, iaitu pengijazahan sebagai graduan UMS.

Ini menunjukkan bahawa graduan UMS mempunyai kualiti dan mencapai tahap piawai yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk menjawat jawatan di peringkat pengurusan tertinggi sesebuah IPTA di Malaysia. Ini juga merupakan satu penghormatan bagi warga UMS sebagai menghargai sumbangan mereka dalam merealisasikan moto universiti 'Bertekad Cemerlang'. Sudah pasti ramai lagi senarai alumni yang berjaya yang boleh saya

sebutkan di sini, tetapi saya rasa ianya akan mengambil masa yang cukup lama untuk menyebut satu persatu.

Tidak ada satu formula yang mudah untuk kita berjaya dalam hidup, setiap individu bertanggungjawab dalam menentukan kecemerlangan kerjaya mereka. Setiap satu daripada anda semua harus yakin akan kebolehan dan kemahiran yang dipelajari dalam menghadapi cabaran-cabaran yang datang. Kita ubah persepsi kita dalam menanganinya dan jadikannya sebagai iktibar untuk memperbaiki diri. ***I'd like to share this great quote with you all "Challenges are gifts that force us to search for a new center of gravity. Don't fight them. Just find a different way to stand".***

Sekali lagi syabas dan tahniah kepada Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) serta ahli jawatankuasa penganjur yang diketuai oleh Prof. Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa selaku Pengarah Kampus Antarabangsa Labuan. Kepada ibubapa dan keluarga graduan, tahniah atas kejayaan anak-anak, adik, abang, atau kakak anda yang diraikan pagi ini. Akhir kata kepada para graduan yang diraikan, sekali lagi bagi pihak warga UMS, tahniah kami ucapkan dan selamat maju jaya.

Sekian, wassalammualaikum wbt.

Terima kasih.

*(edited by jdBPK)*